

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# CALON BN: BERSIH CEKAP, AMANAH

PUCUK pimpinan Barisan Nasional (BN) akan menitikberatkan sifat-sifat bersih, cekap dan amanah dalam pemilihan calonnya bagi pilihanraya umum April ini.

Kriteria pemilihan ini penting supaya Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri yang mewakili BN benar-benar berkhidmat untuk rakyat dan kepentingan negara.

Jaring pemilihan calon mesti berdasarkan kriteria tersebut supaya selaras dengan usaha BN hendak menubuhkan Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah seperti yang akan termaktub dalam manifesto pilihanrayanya.

Beberapa jenis siasatan, termasuk Biro Siasatan Negara, Unit Penyelidikan di Jabatan Perdana Menteri, Cawangan Khas dan KEMAS telah mula menyalasat latar bel

kang, prestasi, penerimaan serta beberapa sifat lain dan kelemahan seseorang calon, sejak sebulan lalu.

Berdasarkan hasil siasatan serta maklumat balas, pucuk pimpinan BN akan dapat membuat pertimbangan sama ada seseorang Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri itu akan dipertandingkan semula kali ini.

## Pembahagian

Bagaimanapun, Ketua-ketua Perhubungan UMNO Negeri, Menteri Besar, Ketua Menteri ataupun presiden komponen BN akan diberi peluang mengemukakan calon

masing-masing, sebelum keputusan muktamad dibuat oleh Perdana Menteri.

Syarat kelayakan serta kelulusan akademik tidak akan dikenakan dengan seketat-ketatnya kerana UMNO khususnya, adalah parti yang 'flexible' tetapi kukuh dengan perpaduan di semua peringkat.

Kelayakan dan kelulusan akademik juga, jika dijadikan kriteria utama dalam pemilihan calon, mungkin akan menjejaskan kestabilan dalam UMNO sendiri.

Berita Harian juga difahamkan bahawa Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad bersama Datuk Musa Hitam, kesemua Timbalan Presiden UMNO serta presiden komponen BN dijangka menyelesaikan masalah pembahagian kerusi dan pencalonan, akhir bulan ini.

Bagaimanapun, pembahagian kerusi dijangka tidak mengalami perubahan besar kerana pucuk pimpinan BN yakin 'status quo' sekarang wajar diteruskan.

Proses pemilihan calon akan bermula di peringkat bahagian UMNO di mana sekurang-kurangnya tiga nama perlu

diketengahkan ke peringkat Perhubungan UMNO di setiap negeri.

Pihak Perhubungan UMNO Negeri, selanjutnya akan mengemukakan senarai calon yang disediakan mengikut prioriti itu kepada pucuk pimpinan.

## Calon

Berikunya, Perdana Menteri, Datuk Musa, Naib-naib Presiden bersama Menteri Besar, Ketua Menteri atau Ketua Perhubungan UMNO Negeri akan bertemu dan berbincang mengenai calon-calon yang dikemukakan.

Pucuk pimpinan akan mendengar

segala hujah dan perakuan dari peringkat negeri. Keputusan muktamad akan dibuat oleh Perdana Menteri sendiri.

Bagi komponen BN, setiap presiden akan menengahkan senarai calonnya kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa yang akan membuat keputusan muktamadnya.

Oleh itu, pada keseluruhannya, BN mahukan pasukan yang bukan saja bersih, cekap dan amanah selaras dengan manifestonya di pilihanraya umum ini, malahan calon yang berkebolehan, dan mampu menghayati aspirasi rakyat dan negara.



● DATUK SERI DR MAHATHIR